

# Persepsi Kompetensi E-Kepimpinan dan Prestasi Kerja Pekerja Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia

Tajuddin, J. M.\*  
Sunway University, Malaysia

Asas, A.,  
SEGi University, Malaysia

A. Manaf, A. M.  
International Islamic University Malaysia, Malaysia

\*Emel perhubungan: jaslinamt@sunway.edu.my

## Abstrak

*Kajian ini meneroka hubungan antara persepsi kompetensi e-kepimpinan dan prestasi kerja pekerja (akademik dan bukan akademik) dalam institusi pengajian tinggi di Malaysia dengan menggunakan Model Kebolehtadbiran Fiedler. Selain itu, kajian ini juga menyiasat perbezaan di antara persepsi kompetensi e-kepimpinan di kalangan pekerja akademik dan bukan akademik. Kompetensi e-kepimpinan merujuk kepada keupayaan pemimpin untuk menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), mengadapsinya dengan menambah nilai kepada individu dan organisasi, serta mempunyai kemahiran untuk menggunakanannya. Dalam kajian ini, kompetensi e-kepimpinan diukur berdasarkan tiga dimensi daripada Model Kebolehtadbiran Fiedler: hubungan pemimpin-anggota, struktur tugas, dan Kedudukan kuasa dalam survey kebangsaan. Satu soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk mendapatkan persepsi 154 pekerja institusi pengajian tinggi. Keputusan menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif dan sederhana antara persepsi kompetensi e-kepimpinan dan prestasi kerja pekerja untuk ketiga-tiga dimensi tersebut. Selain itu, keputusan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan secara statistik antara persepsi kompetensi e-kepimpinan dalam kalangan pekerja akademik dan bukan akademik.*

**Kata Kunci:** Kompetensi E-Kepimpinan, Prestasi Kerja, Institusi Pengajian Tinggi, Malaysia